

**Pengumuman Najib Tepati Aspirasi Bumiputera
Bernama
14 Sept, 2013**

SHAH ALAM, 14 Sept (Bernama) -- Pengumuman agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Sabtu menepati aspirasi Bumiputera yang mahu melihat kerajaan lebih fokus dan prihatin terhadap masalah-masalah yang mereka hadapi.

Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) Husni Salleh menyifatkan pengumuman oleh Perdana Menteri itu sebagai menepati sasaran semua Bumiputera di setiap peringkat, termasuk penekanan untuk memperluas dan memperkasa lagi agensi-agensi berkaitan Bumiputera sedia ada.

"Kami di Teraju menyambut baik saranan Perdana Menteri dan kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan pelaksanaan dengan lebih baik daripada dahulu," katanya kepada pemberita selepas pelancaran agenda memperkasa Ekonomi Bumiputera di sini hari ini.

Mengenai perpindahan Skim Jejak Jaya Bumiputera kepada Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), Husni berkata ia merupakan pelan strategik yang membolehkan Teraju merangka inisiatif dan program baharu, dan melakukan proses pemantauan yang lebih cekap dan rapi ke atas seluruh program Bumiputera dalam negara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MDec Datuk Badlisham Ghazali berkata pengenalan Skim Permulaan Usahawan Baharu Bumiputera (SUPERB) akan memberi lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera, terutama dari sektor teknologi.

"Dana-dana sedia ada hari ini bersifat agak kecil. Pengenalan Superb ini akan memberi peluang kepada lebih ramai usahawan Bumiputera untuk berjaya.

"Mereka sudah semestinya perlu berusaha untuk berjaya, bukan hanya bergantung kepada dana ini semata-mata, namun skim ini semestinya membuka peluang yang lebih luas buat usahawan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977806>